

Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 28(2) (2010): 35 - 61

Tinjauan Identiti dan Bahasa Hibrid dalam Kalangan Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia

NORIAH MOHAMED & OMAR YUSOFF

ABSTRAK

Makalah ini meninjau dan membincangkan identiti dan bahasa tiga kelompok yang dianggap memaparkan ciri hibrid (kacukan). Kelompok tersebut ialah Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan yang terdapat di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Data untuk penulisan ini diperoleh daripada tinjauan pustaka dan temu bual tidak berstruktur yang dilaksanakan menerusi kajian lapangan terhadap informan ketiga-tiga kelompok. Huraian data pula bersifat deskriptif kualitatif. Secara umum, tinjauan ini mendapati bahawa hibrid atau kacukan ialah konsep yang memperlihatkan sifat sesuatu sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa subsistem atau bahagian yang berbeza. Konsep hibrid ini digunakan untuk menjelaskan identiti ketiga-tiga kelompok yang dimaksudkan. Dari sudut bahasa pula, walaupun bahasa yang dituturkan oleh ketiga-tiga kelompok ini memperlihatkan ciri hibrid, namun begitu pengelasan dari sudut linguistik memperlihatkan bahawa sistem pertuturan Samsam dan Jawi Peranakan dianggap dialek, manakala sistem pertuturan Baba Nyonya pula berstatus kreol. Makalah ini membincangkan juga aspek pengelasan linguistik sebagaimana yang dimaksudkan bagi sistem pertuturan ketiga-tiga kelompok ini. Hasil penulisan ini berguna kerana menerusnya kita dapat menelusuri sejarah tiga kelompok hibrid yang boleh dianggap tertua yang wujud di Malaysia..

Kata kunci: *Identiti, bahasa, hibrid, Samsam, Baba Nyonya, Jawi Peranakan*

ABSTRACT

This paper reviews and discusses the identity and language of three groups that were considered to display the hybrid (half-breed) feature. The group is Samsam, Baba Nyonya and Jawi Peranakan that reside in the northern part of West Malaysia. The data for this study was gathered from the library research and non-structured interview which was conducted through field studies on the informants from the three groups. The description of the data was done in a descriptive qualitative manner. In general, this survey identified that the hybrid is a concept that exhibit the characteristics of a system formed from a combination of different subsystems or parts. This hybrid concept was used to describe the identity of the three groups. From the language point of view,

although the language spoken by all the three groups show features of hybrid, however the classification in terms of linguistic show that the speech system of Samsam and Jawi Peranakan were considered as dialect, while the Baba Nyonya speech system was Creole status. This article also discusses the aspects of linguistic classification of the speech of the three groups as intended. This paper is useful because owing to it we can trail the history of the three oldest hybrid groups that exist in Malaysia.

Key words: Identity, language, hybrid, Samsam, Baba Nyonya, Jawi Peranakan

PENGENALAN

Secara umum hibrid atau kacukan adalah konsep yang memperlihatkan sifat sesuatu sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa subsistem atau bahagian yang berbeza. Hibrid mempamerkan sifat percampuran¹ atau pembauran yang wujud dalam sesebuah sistem. Oleh hal yang demikian, sekiranya hibrid dikaitkan dengan identiti dan bahasa, maka secara longgar maksudnya ialah identiti atau bahasa yang bercampur.

Konsep bercampur dalam pengertian biasa difahami sebagai mengadukkan atau menambah sesuatu ke dalam sesuatu dan percampuran tersebut menyebabkan sesuatu berbaur. Dalam konteks identiti dan bahasa, hal yang sama berlaku, namun begitu takat atau cara percampuran dua atau lebih entiti yang dimaksudkan mungkin berbeza bergantung kepada identiti dan bahasa yang beraduk. Dari sudut bahasa juga, Weinrich (1953) berpendapat bahawa apabila penutur yang menuturkan bahasa atau dialek yang berbeza bertemu, maka berlaku pertembungan antara bahasa atau dialek tersebut. Bahasa-bahasa yang bertembung akan saling mempengaruhi dan berlakulah pembauran unsur dua atau lebih bahasa. Pembauran inilah yang dianggap sebagai hibrid atau kacukan.

Di bahagian utara Semenanjung Malaysia, terdapat tiga komuniti yang kelihatan mempamerkan ciri hibrid sebagaimana yang dibincangkan. Komuniti yang dimaksudkan ialah Samsam², Baba Nyonya dan Jawi Peranakan. Walaupun mewakili komuniti hibrid, ketiga-tiga komuniti ini memperlihatkan takat penghibridan yang berbeza sebagaimana yang dibincangkan selanjutnya.

IDENTITI HIBRID SAMSAM, BABA NYONYA DAN JAWI PERANAKAN

Secara am, Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan adalah tiga komuniti yang melibatkan percampuran antara orang Siam, Cina dan India dengan Melayu. Namun demikian, mentakrifkan konsep hibrid bagi ketiga-tiga komuniti ini tidaklah semudah yang dimaksudkan dan hal ini dibuktikan menerusi perbincangan di dalam bahagian berikut.

Samsam

Komuniti Samsam ialah komuniti yang menetap di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Namun demikian, lokasi petempatan komuniti ini agak sukar ditentukan kerana kekaburuan konsep identiti komuniti ini. Tinjauan lapangan dan sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa buah negeri di utara Semenanjung Malaysia, yakni Kedah, Perlis dan Langkawi disebutkan sebagai kawasan menetapnya komuniti ini.

Dari segi identiti, terdapat dua pandangan tentang maksud hibrid bagi identiti Samsam. Pertama, pandangan awal tentang komuniti Samsam menyatakan bahawa komuniti ini memang produk perkahwinan campur antara Melayu dengan Siam; Melayu, Cina dengan Siam; atau Siam dengan keturunan penduduk asli Langkasuka atau Ligor (Archaimbault 1957: 75). Bagaimanapun, Archaimbault selanjutnya menyatakan bahawa persoalan asal usul yang berbaur ini hanyalah satu hipotesis dan tidak boleh ditentusahkan sehingga pemerian tentang bahasa, adat istiadat dan institusi dalam kalangan Samsam ini dilakukan secara menyeluruh.

Kedua, menurut Azman Wan Chik (1968), Samsam ialah orang Melayu Islam yang datang dari Thailand ke utara Semenanjung Malaysia. Azman yang melaksanakan kajiannya tentang Samsam yang menetap di Titi Tinggi, Perlis ini menyebutkan bahawa orang Samsam berasal dari Pattani (dieja Petani oleh Azman), sebuah daerah di wilayah selatan Thailand dan sewaktu kajiannya kelompok ini sudah menetap di Titi Tinggi, Perlis selama lebih daripada tiga keturunan. Pandangan Azman ini dipersetujui oleh Zaharah Mahmud (1979: 132) apabila beliau mencatatkan bahawa:

“These people were mainly extensions of the Malays inhabiting the Thai States of Chenak, Raman, Tiba, Patani and Setul”.

Archaimbault (1957: 75) bersetuju dengan pandangan bahawa Samsam ialah warga Thai yang beremigrasi dari Nakorn Sit’amarat

dan Songkhla di Thailand pada sekitar abad ke-17. Namun begitu, baginya terdapat dua kelompok Samsam, iaitu Samsam Siam dan Samsam Melayu. Maksud Archaimbault (1957: 76) Samsam Siam ialah warga Thai yang beragama Buddha, manakala Samsam Melayu pula ialah warga Thai yang beragama Islam³.

Samsam yang dimaksudkan oleh Azman Wan Chik (1968) atau Zaharah Mahmud (1979) ialah Samsam Melayu. Apabila dikaitkan dengan agama Islam, Samsam Melayu ini pula tidaklah begitu mengambil berat tentang soal agama. Zaharah Mahmud (1979: 132) menyebut kelompok ini sebagai orang Siam yang berorientasikan Melayu. Menurutnya:

“These were the culturally, though not religiously, Siamese oriented Malays”.

Maksudnya, Samsam ialah orang Siam yang berorientasikan Melayu mungkin dari sudut budaya tetapi kurang dari segi agama (Islam)nya. Orang Siam yang berorientasikan Melayu ini sebagai ‘Malaysising Siamese’ yang bermaksud orang Siam yang masuk Islam kerana berkahwin dengan wanita Melayu tetapi rohaninya masih kekal Siam walaupun keturunannya akan menjadi Islam sepenuhnya. Sebaliknya pula terdapat juga orang Melayu yang berorientasikan Siam. Sama ada ‘*Malaysising Siamese*’ atau Samsam kedua-duanya tidak begitu prihatin dan teliti dengan makanan. Mereka makan makanan yang tidak bersih seperti labi-labi dan tidak pergi ke masjid.

Bertitik tolak daripada identiti hibrid ini juga Samsam dikaitkan dengan maksud perkataan samsam. Pemaklum Samsam yang ditemu bual oleh Archaimbault (1957: 5) menyebutkan bahawa samsam berasal daripada perkataan ‘tcham-tcham’, iaitu perkataan daripada bahasa Cina Hokkien yang bermaksud membaurkan atau mencampurkan. Perkataan ‘sam’ dalam bahasa Thai juga maksudnya membaurkan, mencampurkan, berbaur atau bercampur. Dari sudut bahasa dan budaya tidak sulit untuk mengaitkan Samsam dengan identiti hibrid ini. Hal ini bermakna, sama ada Samsam Islam atau Samsam Siam, unsur bauran dalam kehidupan mereka menunjukkan percampuran dari segi dua budaya atau bahasa, yakni Siam dengan Melayu atau Siam dengan bangsa lain.

Meninjau dari sudut penghibridan identiti (Melayu dengan Siam) ini juga, Hortsman (t.t.: 7) dalam tulisannya yang bertajuk “*Dual ethnic minorities and the local reworking of citizenship at the Thailand-Malaysian border*” membincangkan tentang Samsam di Langkawi pada hari ini yang memegang dua identiti, Thai dan Malaysia. Dalam salah

satu kes tentang keluarga Samsam yang menetap di Langkawi yang dibincangkannya, beliau menceritakan:

“Their daughters and sons move back and forth between Ban Sarai and Langkawi, benefiting from the uncertain, ambiguous space in the sea and the geographical proximity of Langkawi, lying just south of the Thai border.”

Walaupun mereka masih menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pengenalan sah daripada pihak Malaysia, kelompok ini masih meneruskan kedua-dua identiti ini dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, di Langkawi salah satu ciri Samsam yang menonjol ialah usaha mereka untuk menjadi Melayu seboleh-bolehnya tetapi menekankan hubungan kekeluargaan, ikatan emosi, bahasa dan agama dengan Thailand atau dengan kata lain kekal sebagai orang Thai. Namun begitu, untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik mereka berhasrat untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia dan terus menetap di Langkawi sebagai nelayan. Proses asimilasi mereka mungkin perlu dibayar dengan harga mahal kerana (Hortsman t.t.: 7):

“... while the younger generation of the Sam Sam in Malaysia, being ashamed of the practices of their ancestors, have abandoned the Thai language”.

Hal ini mungkin berlaku kerana menurut Hortsman (t.t.: 7) generasi muda Samsam menganggap bahawa:

“The identity of the Samsam integrates elements from the Thai and Malay worlds, playing on the ambiguities between cultural boundaries”.

Generasi muda Samsam ini mungkin inginkan satu identiti yang dapat melambangkan diri mereka yang sebenar, sama ada sebagai Thai atau Melayu, bukan antara kedua-duanya.

Rumusannya, walaupun terdapat cara yang berbeza untuk mendekati makna Samsam, disebabkan konsep hibrid dalam konteks perbincangan ini berteraskan Melayu, maka Samsam bermaksud orang Melayu yang beragama Islam dari wilayah-wilayah selatan Thailand dan keturunan mereka yang datang dan menetap di Malaysia. Mereka boleh jadi keturunan asal Siam atau hasil perkahwinan campur dengan orang Melayu di Malaysia.

Takrif Samsam yang awal tidak sesuai digunakan untuk merujuk kepada Samsam pada hari ini. Antara takrif Samsam yang dimaksudkan ialah takrif yang berkait dengan orang Siam yang berorientasikan Melayu

dari sudut budaya tetapi kurang dari segi agama (Islam)nya, tidak warak dan mengamalkan aktiviti yang bertentangan dengan Islam; orang Siam yang masuk Islam kerana berkahwin dengan wanita Melayu tetapi rohaninya masih kekal Siam walaupun keturunannya akan menjadi Islam sepenuhnya; orang Melayu yang berorientasikan Siam tetapi masih beragama Islam; atau orang Samsam yang melakukan aktiviti rompakan⁴. Hal ini demikian kerana pengertian Samsam yang awal ini yang dikaitkan dengan imej negatif agak sukar dikaitkan secara langsung dengan kelompok manusia dan bahasa pada waktu ini.

Baba Nyonya

Cina Selat, Cina Kelahiran Selat, Cina Baba, Baba atau Peranakan merupakan antara istilah yang digunakan untuk merujuk kepada komuniti Baba Nyonya. Semua istilah ini mewakili istilah yang digunakan untuk merujuk kepada keturunan daripada imigran Cina yang datang ke Nusantara pada abad ke-15 dan ke-16 ke Negeri-negeri Selat (*Wikipedia, the Free Encyclopedia* 2009).

Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura adalah unit sejarah politik yang tidak wujud lagi. Cina Selat walaupun merupakan kependekan kepada Cina Kelahiran Selat dianggap berbeza maknanya dengan Cina Kelahiran Selat. Cina Kelahiran Selat ialah mereka yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat sewaktu entiti politik tersebut wujud dan definisi ini menolak Cina yang tidak dilahirkan di negeri-negeri berkenaan dan Cina di negeri lain ketika itu (Koo 1996: 23-24).

Baba pula merupakan istilah pinjaman dari India⁵ yang kemudian dalam bentuk honorifiknya, diguna pakai untuk merujuk kepada lelaki Cina di Negeri-negeri Selat. Perkataan ini mungkin juga berasal daripada bapa dalam bahasa Melayu atau sebilangan sejarawan menganggapnya sebagai bentuk honorifik yang sepadan dengan tuan atau taukeh (Lee 2007: 162). Menurut Koo (1996: 24) istilah nyonya pula bukanlah bentuk eksklusif untuk menyebut perempuan Cina Kelahiran Selat sebab istilah ini dalam bentuk variannya seperti nyonyah, nonya dan nona⁶ juga digunakan dalam kalangan perempuan Sumatera dan Jawa dan perempuan Melayu yang belum berkahwin.

Peranakan merujuk kepada keturunan imigran yang lahir tempatan⁷ (di Malaya dan di Indonesia) atau keturunan daripada kacukan orang asing dengan tempatan. Istilah ini merujuk kepada keturunan bercampur tanpa mengira etnik. Selain Cina, terdapat komuniti peranakan lain di Malaysia, iaitu India Hindu Peranakan (Chetti), India Islam Peranakan

(Jawi Peranakan) dan Eurasian Peranakan (Kristang). Oleh sebab itu dapatlah dikatakan bahawa Baba ialah peranakan tetapi bukan semua peranakan ialah Baba.

Menurut Purcell (1997: 66-67) golongan Baba merupakan orang Cina (Peranakan) yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat dan dianggap bukan orang Cina tulen. Mereka dikatakan beribukan orang Melayu atau ibu kacukan. Perkahwinan campur dengan perempuan Melayu ini berlaku sebab imigran Cina yang awal tidak membawa orang perempuan bersama-sama mereka. Jadi, tidak ada perempuan Cina yang datang ke Malaya sehingga pertengahan abad ke-19. Tidak sebagaimana sekarang, pada waktu itu perkahwinan imigran lelaki Cina dengan perempuan Melayu biasanya tidak memerlukan lelaki berkenaan memeluk agama Islam kerana perkara ini tidak dipedulikan atau perempuan tersebut merupakan Melayu yang bukan Islam.

Namun begitu, dari sudut yang sama perempuan yang dikahwini juga mungkin bukan wanita Melayu sebab kebanyakan orang Melayu telah memeluk agama Islam dan dalam kebanyakan kes kahwin campur di Malaysia menunjukkan bahawa pengaruh sebelah ibu lebih kuat daripada sebelah ayah. Mungkin yang dimaksudkan dengan Melayu dalam hal ini ialah salah satu bangsa Austronesia. Menurut Abdur-Razzaq (2001: 3) pada abad ke-18 Pulau Pinang menjadi pusat perdagangan hamba abdi dan hamba abdi dari seluruh Nusantara, termasuk Melayu, Batak, Jawa dan bangsa lain dijual beli di pulau ini. Hamba abdi yang paling laku atau digemari ialah gadis dan pemuda dari Pulau Nias, pantai barat Sumatera. Gadis Nias mempunyai pasaran yang tinggi kerana kecantikan dan kecerahan kulit mereka. Sebahagian besar gadis ini dibeli dan dikahwini oleh pedagang Cina. Dapatlah dikatakan dalam tubuh kebanyakan orang Cina Melayu di pesisir timur Sumatera dan Malaya mengalir juga darah Batak dan Nias, sekali pun sukar meneliti salasilahnya. Sesetengah keturunan Cina Selat atau Baba Nyonya ialah hasil perkahwinan campur ini. Dalam pada itu, perkahwinan campur ini tidak terhad kepada mereka sahaja. Perpindahan sesetengah keluarga Cina Peranakan dari Medan ke Pulau Pinang dipermudah oleh hubungan keluarga dan rangkaian perniagaan seperti dalam hal Cheong Fatt Tze di Pulau Pinang dan Chong Ah Fie di Medan.

Selain gadis Austronesia dari Nias, Teoh dan Lim (1999: 125) yang memetik daripada sumber tertentu sewaktu menceritakan asal Cina Peranakan di Pulau Pinang menyatakan bahawa perempuan yang dimaksudkan mungkin merangkumi perempuan Siam dan Burma:

“Penang as a focal point of commerce in this part of the Malay Archipelago attracted an influx of Chinese businessmen to the colony, particularly from southern Thailand and North Sumatra. The Peranakan Chinese in Penang were thought to have been ‘descendants of Chinese males marrying or cohabiting with Malays or Siamese or Burmese; the last mentioned, however, appear to be rather rare’. It must be stressed that the Peranakan of Penang still have extensive familial ties with these regions”.

Menurut Purcell (1997: 66-67) anak Cina Peranakan dibesarkan mengikut cara kehidupan sebelah ayah (Cina). Golongan ini menganggap mereka bukan orang Cina tulen dan ada sebahagiannya enggan mengakui mereka orang Cina tetapi sebaliknya mendakwa mereka orang putih atau rakyat British. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka mentaati sepenuhnya tanda-tanda luaran seorang Cina. Di Melaka misalnya, keturunan Baba mengamalkan hidup cara orang Cina yang disesuaikan dengan unsur Melayu dan tempatan yang lain.

Baba di Melaka, di Pulau Pinang dan di Singapura merupakan kumpulan yang berbeza dengan Cina lain kerana mereka dalam pelbagai peringkat telah berasimilasi dengan budaya Melayu tempatan. Rumusan Ooi (2004) yang berikut dapat diguna pakai untuk menentukan identiti Baba Nyonya di Pulau Pinang:

“Straits-Chinese were defined as those born or living in the Straits Settlements: a British colonial construct of Penang, Malacca and Singapore constituted in 1826. Straits-Chinese were not considered Baba Nyonya unless they displayed certain Sino-Malay syncretic physical attributes”.

Sebagai rumusannya, Baba Nyonya dalam konteks perbincangan ini bermaksud orang Cina Kelahiran Selat yang merupakan keturunan imigran dari China yang datang ke Nusantara pada abad ke-15 dan ke-16. Mereka merupakan hasil perkahwinan campur imigran Cina dengan perempuan tempatan atau Melayu di Malaysia. Elemen percampuran ini merupakan asas yang penting dalam mendefinisikan Baba Nyonya dan membezakan kelompok ini daripada kelompok Cina yang lain.

Jawi Peranakan

Istilah peranakan dalam konteks Jawi Peranakan mempunyai makna yang lebih kurang sama dengan Baba. Namun demikian, istilah Jawi Peranakan melibatkan unsur jawi dalam definisinya.

Istilah Jawi secara khusus dalam bahasa Melayu bersangkut paut dengan agama Islam. Misalnya, dalam kalangan orang Melayu terdapat ungkapan masuk jawi yang bermakna berkhatan. Aktiviti berkhatan merupakan salah satu aktiviti yang wajib/ mesti dilakukan apabila individu memeluk agama Islam. Secara khusus juga istilah jawi bermaksud aksara yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand Selatan. Istilah ini kemudian diluaskan maknanya untuk merujuk kepada dua perkara. Pertama, istilah ini dikaitkan dengan bahasa yang menggunakan aksara jawi dan daripada kaitan ini wujudlah istilah bahasa Jawi. Kedua, istilah ini juga digunakan untuk merujuk kepada agama penutur yang menggunakan bahasa Jawi (Islam) dan wujudlah pula istilah masuk jawi (masuk Islam). Berdasarkan kedua-dua perkara tersebut dan disebabkan agama Islam sudah dijadikan jati diri penutur bahasa tersebut maka sebab itu orang Islam (termasuk Melayu) dirujuk sebagai orang Jawi (Noriah Mohamed 1999: 85-86). Apabila istilah jawi dicantumkan dengan peranakan, yang maksudnya lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu, maka maksudnya merujuk kepada orang asing yang mempunyai darah campuran Melayu dan beragama Islam.

Huraian ini bertepatan dengan definisi Jawi Peranakan yang merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani (Zaharah Mahmud 1972: 201). Istilah ini mula digunakan pada tahun 1871 dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat*.

Sebelum tahun 1871, istilah Jawi Bukan, Jawi Pukan atau Jawi Pekan telah digunakan di Pulau Pinang untuk merujuk kepada orang Islam. Definisi Jawi Bukan, Jawi Pukan dan Jawi Pekan merangkumi bukan sahaja orang Melayu berdarah campuran Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani, malah orang India Islam yang dilahirkan di Tanah Melayu (ibu bapa mereka orang India Islam) yang telah melalui proses asimilasi kebudayaan Melayu (Khoo Salma 2002: 44) dan mana-mana orang Islam yang bukan keturunan masyarakat Melayu tempatan. Definisi ini tentulah tidak tepat untuk merujuk kepada elemen peranakan yang bermaksud lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu. Sebab itulah istilah Jawi Pekan tidak lagi digunakan dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat* pada tahun 1870 dan istilah ini digantikan dengan Jawi Peranakan yang hanya merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani (Zaharah Mahmud 1972: 201).

Di Singapura, kelompok peranakan ini dikenali sebagai Jawi Peranakan, manakala di Melaka mereka disebut sebagai Peranakan

Keling (Khoo Salma 2002: 44). Salah satu maksud keling ialah orang India yang beragama Islam atau lebih khusus orang India Selatan beragama Islam yang datang ke Tanah Melayu seawal abad ketiga dari Kalinga dan Telingana (Pantai Coromandel) (Noriah Mohamed 2008: 88; *Kamus Dewan* 2005: 719-720).

Pembentukan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang bertitik tolak daripada adanya perkahwinan campur antara lelaki Arab, India Islam, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani dengan wanita Melayu tempatan dan sudah berlaku sekian lama di gugusan pulau Melayu dan di Tanah Melayu, iaitu di Kedah, Melaka dan Perak.

Pembentukan awal masyarakat ini bermula dengan adanya perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu golongan bangsawan (Sandhu 1969: 179). Kesannya, timbul beberapa versi yang mengaitkan keturunan raja Melayu⁸ dengan Raja Iskandar Zulkarnain di India (Andaya & Andaya 1983: 38). Keturunan Raja Perak dikatakan ada pertalian darah dengan Raja Iskandar Zulkarnain di India (Morgan 1948: 17). Begitu juga dengan Raja Singapura yang pertama, iaitu Sang Nila Utama dan Sultan Melaka yang pertama, iaitu Raja Iskandar Dzu'lkarnain, turut dikatakan ada pertalian darah dengan Raja Iskandar Zulkarnain (Wilkinson 1942: 13). Tun Ali bin Mani Purindam, tokoh pemimpin Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja dan memegang jawatan Penghulu Bendahari juga keturunan Jawi Peranakan berdarah campuran India Islam. Begitu juga dengan Bendahara Tun Mutahir, beliau berasal daripada keluarga Melayu Tamil atau Jawi Peranakan (Muhammad Yusoff Hashim 1989: 320).

Perubahan ketara tentang pembentukan masyarakat Jawi Peranakan mula berlaku di Pulau Pinang. Perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu tempatan bukan lagi berlaku dalam kalangan golongan bangsawan, malah turut melibatkan golongan bukan bangsawan. Pembukaan pelabuhan Pulau Pinang oleh pihak Inggeris sebagai pelabuhan perdagangan telah menyebabkan kedatangan orang Jawi Peranakan dari Kedah ke Pulau Pinang semakin ketara. Keadaan ini terjadi sejak abad ke-17 (Ragayah Eusoff 1997: 29–30). Perbauran antara masyarakat ini dengan masyarakat India Islam turut menghasilkan perkahwinan campur antara kedua-dua anggota masyarakat ini.

Sejarah pembentukan masyarakat Jawi Peranakan berketurunan India Islam di Pulau Pinang berlaku secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama berlaku sewaktu kedatangan golongan saudagar, pedagang, pengembara dan pembekal alat senjata. Golongan ini dikatakan telah menetap di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light. Misalnya,

golongan saudagar dikatakan telah berada di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1770 (Omar Yusoff 2005: 124). Ada antara golongan ini ialah Jawi Pekan (Sandhu 1969: 172, 179). Pembentukan masyarakat ini bermula apabila Kapitan Keling berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Isteri pertama Kapitan Keling dikatakan berasal dari Batu Uban, Pulau Pinang dan beliau telah menetap di kawasan tersebut sejak tahun 1736 (Omar Yusoff 2005: 140). Perkahwinan campur Kapitan Keling ini diikuti pula oleh saudagar India Islam yang lain.

Peringkat kedua pula berlaku sewaktu kedatangan buruh yang bekerja di ladang dan di bawah kerajaan British. Peringkat ini dikatakan berlaku pada tahun 1787, atau dipercayai lebih awal (Sandhu 1969: 47). Pada awal tahun 1786, terdapat seramai seratus orang buruh India yang dihantar ke Pulau Pinang oleh kerajaan British yang beribu pejabat di India. Kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh ladang dan ada juga yang bekerja dengan kerajaan British. Kemudian, bertambah ramai buruh India dari India Selatan dihantar ke Pulau Pinang untuk bekerja di ladang yang dibuka oleh kerajaan British bagi tujuan komersial, seperti ladang lada hitam yang dibuka pada tahun 1790, diikuti dengan ladang tebu pada tahun 1830, ladang kopi pada tahun 1870 dan ladang getah pada tahun 1877 (Sandhu 1969: 50, 249). Ramai buruh ini dikatakan telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan, seperti yang ditegaskan oleh Sandhu (1969: 177):

“A similar tendency could also be detected among other classes of immigrants, especially with the expansion of government works and commercial agriculture in the nineteenth century. Some of these migrants, like their predecessors, took local brides from amongst the Malay and slave populations”.

Peringkat ketiga ialah perkahwinan campur yang berlaku akibat kedatangan golongan banduan yang dihantar oleh kerajaan British yang beribu pejabat di India ke Pulau Pinang. Peringkat ini berlaku sekitar tahun 1788, apabila Pulau Pinang telah dijadikan sebagai tempat banduan menjalani hukuman selama tujuh tahun atau lebih. Pada tahun 1789 beberapa orang banduan mula dihantar ke Pulau Pinang. Lebih tiga perempat banduan yang dihantar ke Pulau Pinang terdiri daripada mereka yang menjalani hukuman seumur hidup. Kesalahan yang dilakukan oleh mereka adalah seperti membunuh, merompak, kesalahan politik dan sebagainya. Banduan ini datang dari pelbagai daerah di India dan mereka terdiri daripada pelbagai kaum. Eyeno Deen Sheikdar dan Mohamed Heiant merupakan dua orang banduan India Islam yang pertama dihantar ke Pulau Pinang, iaitu pada bulan Mac 1790 (Sandhu 1969: 87).

Selepas tahun 1789, semakin ramai banduan dihantar ke Pulau Pinang. Pada tahun 1810, 1,300 orang banduan dihantar ke pulau ini. Jumlah mereka telah meningkat kepada 1,462 orang pada tahun 1824. Namun begitu, apabila kerajaan British tidak lagi menyediakan peruntukan bagi menghantar pulang banduan yang telah tamat menjalani hukuman ke negara asal mereka, maka pihak ini telah mengurangkan penghantaran banduan ke Pulau Pinang. Pada tahun 1865, terdapat hanya 801 orang banduan yang dihantar ke Pulau Pinang, 73 daripada mereka terdiri daripada banduan wanita (Turnbull 1970: 90). Berikutnya daripada itu, bermula pada tahun 1860 semakin ramai banduan yang telah tamat menjalani hukuman tidak pulang ke tanah air mereka. Mereka lebih gemar tinggal di Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana banduan ini dikatakan sudah biasa dengan keadaan di Pulau Pinang (McNair 1899: 144). Kebanyakan mereka berkahwin dengan bekas banduan, masyarakat India lain atau orang Melayu. Keadaan ini telah mempercepat pertumbuhan penduduk masyarakat India dan Jawi Pekan di Pulau Pinang (Sandhu 1969: 134). Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka ialah penjaga lembu, membuka kedai runcit, buruh, dan ada yang bekerja dengan kerajaan British (McNair 1899: 144). Blythe (1971: 130) menyatakan bahawa pembentukan golongan Jawi Pekan berlaku dengan meluas pada sekitar tahun 1857, iaitu di bawah sistem '*ticket of leave*'. Mengikut sistem ini, hanya banduan yang telah menunjukkan kelakuan yang baik dibenarkan bekerja dengan kerajaan British ataupun orang Eropah yang lain dengan dibayar gaji yang lumayan.

Berdasarkan peringkat perkembangan yang dibincangkan, maka didapati bahawa orang India memainkan peranan yang besar dalam pembentukan Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Namun begitu, selain berlatarbelakangkan India sebagai tempat asal, kelompok ini juga merangkumi kaum lain seperti Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani yang beragama Islam dan berkahwin campur dengan orang Melayu tempatan. Mereka ini dibezaikan daripada orang India Islam dari segi identiti.

Dalam konteks di Pulau Pinang, kebanyakan anggota masyarakat Jawi Peranakan telah mengidentitikan diri mereka sebagai Melayu. Selain penghijrahan' mereka yang direstui oleh orang Melayu yang menerima mereka, perasaan sukarela dalam kalangan masyarakat Jawi Peranakan untuk menjadi Melayu juga secara langsung telah mempercepat proses mereka untuk menjadi Melayu. Pada hari ini rata-rata kebudayaan masyarakat Jawi Peranakan kian terserap oleh nilai dan norma Melayu, malah masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang telah dibudayakan

sepenuhnya oleh budaya Melayu dari segi bahasa, adat resam perkahwinan, makanan dan pemakanan dan sebagainya.

Jelasnya, walaupun ketiga-tiga kelompok hibrid yang dibincangkan berteraskan ‘Melayu’ dalam erti kata yang luas dan identiti mereka memperlihatkan bauran, namun begitu teras Melayu tersebut mungkin kuat atau lemah. Selain faktor perkahwinan, faktor agama juga digunakan sebagai asas kepada identiti ketiga-tiga kelompok ini. Misalnya dalam kalangan Baba mereka lebih condong ke arah Cina disebabkan agama Buddha yang dianuti, manakala Samsam dan Jawi Peranakan lebih condong ke arah Melayu disebabkan agama mereka ialah Islam.

BAHASA HIBRID DALAM KALANGAN SAMSAM, BABA NYONYA DAN JAWI PERANAKAN

Secara am juga, sistem pertuturan bagi komuniti Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan memperlihatkan percampuran antara sistem pertuturan Siam, Cina dan India dengan Melayu. Namun begitu, pengelasan dari sudut linguistik memperlihatkan bahawa sistem pertuturan Samsam dan Jawi Peranakan dianggap dialek, manakala sistem pertuturan Baba Nyonya pula berstatus kreol. Sama ada dialek atau kreol, sebagaimana konsep komuniti, mentakrifkan konsep hibrid bagi ketiga-tiga sistem pertuturan ini tidaklah semudah yang dimaksudkan sebagaimana yang dipaparkan di dalam bahagian berikut.

Bahasa atau dialek Melayu Samsam?

Sebagaimana identiti mereka yang dianggap bauran antara Siam dengan Melayu atau Siam dengan bangsa lain, bahasa orang Samsam juga dianggap demikian. Pandangan Le Roux (1998: 239) yang berikut mengiakan hal ini.

“The Samsam, as they are described in the ethnographic literature, are particularly characterized by their language (a pidgin formed by a Mon-Khmer and Siamese vocabulary, together with an Austronesian grammatical structure) and by the use of a stone hurling bow that has a wooden handlecarved in the form of a dove”.

Selaras dengan pandangan Le Roux (1998), Archaimbault (1957: 75) menyatakan:

“If one turn one’s attention from outside informers to the people themselves, one discovers that the expression Sam Sam is for them a vague collective term which they voluntarily define as Sam Sam Siam or Sam Sam Melayu or Sam Sam Masok Islam. In affording an explanation, religion thus provides a distinction. On the one hand there are the Buddhist Sam Sam and on the other the Muslim, but however this may be, it would be a mistake to establish an absolute distinction between the two groups, for the expression Sam Sam Siam stands equally for the language of all the Sam Sam whatever their religion may be”.

Pandangan di atas berlegar dalam lingkungan pengertian Samsam itu melibatkan pelbagai bangsa, bukan Siam dengan Melayu sahaja. Dalam kata lain, bahasa Siam atau Thai merupakan bahasa pertama manakala bahasa lain mempengaruhi bahasa Thai tersebut dan menghasilkan bahasa pijin Samsam.

Dalam hal ini bahasa yang digunakan dalam kalangan orang Samsam dilabelkan sebagai pijin. Pijin dikenal pasti sebagai bahasa yang digunakan dalam konteks pertembungan manusia yang datang daripada latar belakang kaum atau keturunan yang berbeza, terutama di pasar atau pusat perniagaan. Secara umum bahasa Melayu pasar (*bazaar Malay*) merupakan contoh pijin di Malaysia.

Crawfurd (1967: 28-29) dalam hal ini lebih berfokus apabila beliau menyatakan:

“By Samsans, are meant people of the Siamese race who have adopted the Mohammedan religion, and who speak a language which is a mixed jargon of the languages of the two people; a matter which, in the opinion of the latter, brings some reproach with it. The following is a specimen: Saya na pai naik keh bun gunung, “I want to ascend the mountain” in which the first word is Malay, the two next Siamese, the fourth Malay, the fifth and sixth Siamese, and the seventh or last Malay again”.

Contoh yang dikemukakan oleh Crawfurd (1967) memperlihatkan bahawa bahasa bagi orang Samsam ialah sejenis dialek Melayu yang bercampur dengan bahasa Siam. Satu-satunya kajian tentang hal ini yang dilaksanakan oleh Azman Wan Chik (1968) juga menunjukkan bahawa bahasa Samsam ialah sejenis bahasa Melayu, lebih tepat lagi sejenis dialek Melayu yang digolongkan dalam dialek Melayu Pattani. Dari sudut linguistik yang memerkatakan hasil bauran bahasa, Melayu ialah bahasa superstratum, manakala bahasa Siam ialah bahasa substratum. Hal ini berlaku kerana penutur Samsam bukan orang Melayu tetapi mereka ialah

orang Thai dan sebagai penutur Thai mereka menuturkan bahasa Thai sebagai bahasa pertama.

Sehubungan dengan pandangan bahawa dialek Melayu merupakan bahasa kedua orang Samsam, Wikipedia ada menyorot tentang hal ini apabila catatannya menyatakan:

“Yawi or Pattani Malay is a dialect of the Malay language spoken in the southernmost provinces of Thailand along the border with Malaysia. It is the primary spoken language of the Thai Malay ethnic group, but is also a common second language amongst ethnic Thai, Muslim and non-Muslim, and the samsam, a mostly Thai-speaking population of mixed Malay and Thai ancestry.”

Pendek kata bahasa Yawi (atau Jawi) atau dialek Melayu Pattani ialah bahasa kedua bagi penutur Samsam. Oleh hal yang demikian, dialek Melayu Pattani inilah yang mempengaruhi bahasa Thai dan menghasilkan dialek atau sistem yang dinamai “bahasa Samsam”. Menurut Le Roux (1998: 232) Jawi digunakan untuk merujuk kepada identiti orang Melayu Pattani Islam apabila mereka menyatakan: “kito jadi ore Jawi, ore Isle” (Kita ialah orang Melayu Pattani di Thailand yang beragama Islam). Orang Melayu Pattani menyebut bahasa yang dituturkan oleh mereka sebagai baso Jawi, manakala orang Thai atau Sino-Thai menyebutnya phasa Jawi (bahasa Jawi). Bahasa Jawi ialah sejenis dialek Melayu yang mirip kepada dialek Melayu Kelantan, cuma agak berbeza dari sudut fonologi (Asmah Haji Omar 1979).

Dalam menghuraikan dialek Melayu di Baling, Kedah, Shuib Ismail (1971) mengkelaskan dialek Melayu Baling kepada tiga variasi pertuturan, iaitu dialek Kedah (DK), dialek Petani (DP) dan dialek Samsam (DS). Menurutnya (Shuib Ismail 1971: 5):

“Sementara DS (dialek Samsam) pula, atau lebih dikenali dengan nama “Pelet Siam”, ialah satu bentuk pertuturan yang dituturkan oleh sebagian kecil penutur-penutur Melayu yang bahasa pertama mereka adalah Bahasa Siam.”

Asmah Haji Omar (1979: 6) bersetuju dengan pandangan Shuib Ismail (1971) apabila beliau menyatakan:

“The term “Samsam” is however misleading when used as a nomenclature for one of the semiotic systems of Kedah. When Samsam is used to refer to a person or a group of persons, it denotes a person or group of persons of Malay ethnic origin and Muslim in religion but whose first language is Thai. Corollary to this, the Thai dialect spoken by these people, is the “Samsam language”. To these Samsam people,

Malay is a second language and the variety they speak, as said earlier, exhibits a marked influence from Thai”.

Dengan kata lain, sekiranya kita ingin mengambil dialek Melayu sebagai landasan untuk menghuraikan bahasa pertuturan orang Samsam, maka dialek Melayu ini sepatutnya tidak disebut bahasa Samsam kerana dua sebab. Pertama, dialek Melayu ini ialah bahasa kedua orang Samsam, bahasa pertama mereka ialah bahasa Thai. Tajuk yang lebih sesuai adalah penggunaan dialek Melayu dalam kalangan masyarakat Samsam. Kedua, perkataan dialek dan bahasa merupakan dua perkara yang agak berbeza dalam bidang sosiolinguistik. Dengan demikian istilah dialek Melayu Samsam lebih tepat berbanding dengan bahasa Melayu Samsam.

Namun begitu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Azman Wan Chik (1968) dialek Melayu Samsam ialah dialek Melayu yang bercampur dengan bahasa Siam. Loghat Siam masih kedengaran ketika mereka menuturkan bahasa Melayu ini. Namun begitu, generasi terkini mungkin sudah tidak boleh menuturkan bahasa Siam dan loghat Siam tersebut juga semakin berkurangan dalam kalangan mereka (Sohaimi Abdul Aziz 2009: 57).

Rumusannya, bahasa Samsam ialah sejenis dialek Melayu yang boleh digolongkan sebagai subdialek Melayu Pattani. Dialek Melayu ini memperlihatkan pengaruh bahasa Thai, khususnya dari segi leksikal.

Bahasa Melayu kreol Baba Nyonya atau dialek Hokkien?

Kedatangan orang Cina ke Nusantara meninggalkan kesan yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana komuniti ini telah melahirkan sejenis kreol bahasa Melayu yang disebut bahasa Melayu kreol Baba.

Bahasa kreol ialah sejenis bahasa yang berkembang daripada bahasa pijin. Kedua-dua jenis bahasa ini merupakan bahasa kacukan, yakni bahasa yang memperlihatkan campur aduk dua bahasa (terutama kosa kata dan struktur). Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahasa pijin dianggap sebagai bahasa kacukan yang belum mantap sementara bahasa kreol pula bahasa kacukan yang sudah mantap kerana kreol sudah mempunyai komuniti penutur tetap yang menjadikannya sebagai bahasa ibunda (Noriah Mohamed 2009: 58).

Penamaan bahasa pijin atau kreol dibuat berdasarkan bahasa yang dominan. Sebagai contoh, bahasa Melayu kreol Baba Nyonya disebut sedemikian kerana bahasa Melayu ialah bahasa dominan, manakala

bahasa kreol Portugis (*Papia Kristang*) diberi nama begitu kerana bahasa Portugis abad ke-16 merupakan asas kreol berkenaan.

Bahasa dominan juga disebut superstratum atau stratum atas dalam bahasa kacukan kreol ini. Superstratum bermaksud bahasa yang dituturkan oleh kumpulan dominan yang telah dipengaruhi oleh bahasa penutur bahasa substratum. Substratum ialah bahasa asal seseorang penutur yang telah mempengaruhi bahasa superstratum. Hal ini berlaku kerana sewaktu menuturkan bahasa dominan, penutur substratum membawa masuk unsur seperti bunyi ke dalam bahasa dominan (Noriah Mohamed 2009: 22-23). Contohnya, dalam kreol Melayu Baba di Melaka dan di Singapura, unsur bahasa Cina (substratum) telah dibawa masuk dan mempengaruhi bahasa Melayu.

Bahasa Melayu kreol Baba di Melaka dan di Singapura merupakan variasi bahasa Melayu kerana bahasa substratum atau bahasa dominannya ialah bahasa Melayu. Walaupun kreol ini merupakan kreol Melayu, bukan semudah itu orang Melayu dapat memahami bahasa ini. Perbezaan bahasa ini dengan bahasa Melayu berlaku disebabkan:-

- (1) terdapat perkataan Cina yang tidak diketahui oleh orang Melayu,
- (2) disebabkan Baba tidak boleh menyebut perkataan Melayu dengan betul, dalam sesetengah kes mereka mengubah sebutan tersebut sehingga menjadi perkataan asing kepada orang Melayu,
- (3) peribahasa Cina diguna secara meluas, dan
- (4) pembentukan ayatnya berbeza dengan ayat bahasa Melayu.

Walaupun bahasa kreol Baba di Melaka dan di Singapura dianggap sebagai kreol Melayu, namun begitu kreol Baba di Pulau Pinang pula dianggap bukan kreol Melayu, sebaliknya dialek Hokkien yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Sehubungan dengan perkara ini, di laman web *Penang Heritage City* (t.t.: 1) dicatatkan bahawa:

“Baba and Nyonya culture in Penang is pretty different from the ones in Malacca (Melaka), Medan, Singapore or Kota Bharu. If there is a group of Nyonyas and Babas in Melaka who speak exclusively Malay, their counterpart in Penang speak mixture of Hokkien, Malay and English”.

Teoh & Lim (1999: 132) bersetuju dengan pandangan ini apabila mereka menyatakan bahawa:

“However, there are today very few Baba Malay speakers among the Penang Peranakan; instead, there is predominance of Baba Hokkien of Penang speakers among the Penang Peranakan; and as proven by

this study, Baba Hokkien of Penang is essentially a Hokkien dialect with some Malay elements”.

Jelas bahawa kreol Baba di Pulau Pinang bukan merupakan sejenis ragam bahasa Melayu kerana kita terpaksa mengamati bahasa ini dengan teliti untuk memahami makna ujarannya. Hal yang sama berlaku dalam bahasa Cina Peranakan Kelantan yang dikaji oleh Teo (2003). Variasi Cina Peranakan di Kelantan tersebut merupakan dialek Hokkien yang diselang seli dengan dialek Melayu Kelantan dan bahasa Thai⁹. Tinjauan penulis ke Medan dan berdasarkan data yang dipungut juga menunjukkan bahawa bahasa Cina Peranakan di Medan juga mungkin merupakan salah satu bahasa Cina yang menjadi teras kepada Cina Peranakan tersebut. Oleh hal yang demikian kreol Baba di Pulau Pinang tidak sama dengan kreol Baba di Melaka dan di Pulau Pinang kerana padanannya di Melaka menunjukkan pengaruh bahasa Melayu yang lebih kuat. Hal ini semakin sukar kerana kosa kata dalam kreol Baba Pulau Pinang mempunyai banyak makna disebabkan jumlah kosa katanya yang terhad.

Dalam bahasa kreol Baba Pulau Pinang, perkataan Melayu yang digunakan diambil daripada kategori yang berlainan. Sebagai contoh perkataan kata ganti nama diri pertama dan kedua menggunakan perkataan Cina, iaitu *goa* untuk saya dan *lu* untuk awak, manakala kata ganti nama diri ketiga menggunakan perkataan Melayu, iaitu dia. Selain contoh di atas, perkataan Melayu yang terdapat dalam bahasa ini ialah perkataan-perkataan untuk merujuk kepada anggota badan seperti *bak ketiak* (ketiak), *batang* (kemaluan lelaki), paha dan sebagainya; benda seperti *bakuli* (buah guli), mesegate (mesjid), *senduk* (susu atau senduk) dan lain-lain; makanan seperti *lumpa* (rempah), *kueh kapek* (kuih kapit), *roti jala* (roti jala) dan lain-lain (Teoh & Lim 1999).

Dari segi ayat pula, terdapat kecenderungan ke arah sintaksis Cina. Sebagai contoh dikemukakan beberapa ayat mudah bahasa kreol Baba Pulau Pinang¹⁰ dengan padanan ayat di dalam bahasa Inggeris:

- (1) *Ee suka lai sembang.*
He likes to come here and gossip.
- (2) *Keliap-keliap, ee naik angin.*
Slightly provoked, he gets angry.
- (3) *Gua tan ee sampai gua k'ee geram.*
I waited for him till I got angry.

- (4) *Oo-wa! kinajeet, ee pasang kuat.*
Wow, today he dresses stylishly!

Rumusannya, bahasa Baba di Pulau Pinang ialah sejenis dialek Cina (Hokkien) yang memperlihatkan pengaruh bahasa Melayu, khususnya dari segi leksikal. Perubahan masa telah hampir mengikis penggunaan bahasa ini. Selain penguasaan dialek Hokkien yang semakin berkembang, keadaan ini berlaku kerana masyarakat Baba cuba mencari identiti mereka dan hal tersebut mendorong mereka kembali menguasai bahasa dan budaya ibunda mereka.

Dialek Melayu Jawi Peranakan

Bahasa pertuturan harian masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang ialah dialek Melayu Pulau Pinang (DMPP)¹¹. DMPP bukan sahaja digunakan pada tahap domain sosial (*front stage*), malah dalam rumah tangga mereka. Penggunaan bahasa Melayu berpunca daripada wujudnya pertembungan budaya dalam corak kehidupan sehari-hari mereka melalui perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu Islam tempatan pada satu ketika dahulu. DMPP yang dituturkan oleh komuniti ini tidak sama antara satu kumpulan dengan kumpulan lain yang menjadi teras kepada Jawi Peranakan tersebut. Sebagai contoh, Jawi Peranakan yang berteraskan Tamil, maka terlihatlah pengaruh bahasa Tamil yang kuat dalam DMPP mereka, manakala yang berteraskan Arab pula dipengaruhi oleh bahasa Arab.

Bagi generasi Jawi Peranakan yang berteraskan India Islam yang awal¹², walaupun bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda, kebanyakan mereka boleh berbahasa Melayu¹³ dan Inggeris. Selepas generasi keempat bahasa Tamil tidak lagi dipelihara oleh masyarakat ini. Bahasa ini dikatakan semakin pupus dalam corak kehidupan sehari-hari mereka, seperti yang ditegaskan oleh Yusoff Azmi Merican¹⁴:

“Bagi orang lama Jawi Peranakan dulu ni, maksud saya generasi pertama sampai generasi kelima, depa ni memang boleh cakap Tamil. Saya masih ingat, nenek saya juga tau cakap Tamil. Mai kat bapa saya (generasi kelima kepada Hashim Yahya Merican), dia boleh cakap Tamil sikit-sikit, tak banyaklah, mai kat saya, langsung saya tak tau cakap Tamil, sebab kami tak diajaq cakap Tamil¹⁵.”

Penggunaan DMPP dalam kalangan orang Jawi Peranakan yang terasnya India Islam ini memperlihatkan pengaruh bahasa Tamil yang

jelas. Sebagai contoh, Rosmaliza Hassan (2002: 47-60) mengemukakan contoh pengaruh bahasa Tamil dalam kosa kata panggilan kekeluargaan¹⁶ dalam kalangan masyarakat Jawi Peranakan di Pulau Pinang. Antara contoh kosa kata yang dimaksudkan ialah *atta* dan *ba* untuk bapa, *tok atta*, *tok ba*, *dada*, *tok caca*, *appa*, *nana*, *radhak*, *mama*, *atta*, dan *nana marikan* untuk datuk, *nani*, *mamak*, dan *nana* untuk nenek, *aci*, *na*, dan *akka* untuk kakak, *nana*, *ane*, dan *anen* untuk abang, *tambi* untuk adik, *khala*, *caci*, *perima*, dan *cenimma* untuk ibu saudara sebelah ibu dan bapa, *caca*, *mamu*, dan *mamak* untuk bapa saudara sebelah ibu, *periatta*, *cinatta*, *caca*, *mamu*, *mamak* dan *nana* untuk bapa saudara sebelah bapa, *marzhi*, *ma'ci*, *maini*, *aci* untuk kakak ipar, *macan*, *maca* dan *nana* untuk abang ipar, dan sebagainya. Sebagaimana bahasa Inggeris, penggunaan kata-kata ini memperlihatkan dengan jelas pengaruh bahasa Tamil terhadap bahasa Melayu.

Demikianlah serba ringkas DMPP yang digunakan sebagai bahasa pertuturan sehari-hari dalam kalangan Jawi Peranakan. Disebabkan orang Jawi Peranakan merupakan mereka yang berdarah kacukan maka bahasa yang mereka gunakan juga tidak dapat lari daripada pengaruh bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Tamil. Pengaruh ini mungkin agak tebal bagi generasi awal Jawi Peranakan, namun demikian semakin menipis bagi generasi kemudian. Salah satu punca pengaruh bahasa Tamil ini ialah pertembungan antara DMPP dengan bahasa Tamil.

Rumusannya, walaupun ketiga-tiga kelompok hibrid yang dibincangkan berteraskan ‘Melayu’ dalam erti kata yang luas dan sistem bahasa yang digunakan memperlihatkan bauran, di mana sistem pertuturan mereka tidak sama.

Dalam kalangan Samsam, dialek Melayu ialah bahasa kedua mereka, namun begitu mereka menjadikan dialek Melayu ini sistem pertuturan mereka. Dialek Melayu Samsam dipengaruhi oleh bahasa Siam atau Thai dan sepatutnya hal ini mewujudkan bahasa kreol Melayu Samsam. Namun hal ini tidak berlaku kerana orang Samsam asalnya memang Melayu Siam atau Thai yang beragama Islam. Dialek Melayu Samsam yang dituturkan juga dari segi strukturnya masih Melayu, cuma dipengaruhi oleh bahasa Thai dari segi leksikal. Dialek Melayu yang digunakan ini pula semakin menghampiri bahasa Melayu di Malaysia kerana kelompok ini cuba mengasimilasikan diri dengan masyarakat Melayu.

Dalam kalangan Baba Pulau Pinang, sistem bahasa mereka ialah bahasa Cina Hokkien kerana dalam bahasa ini, khususnya di Pulau Pinang, struktur bahasa Hokkien masih kuat dan cuma sebilangan kecil leksikal bahasa Melayu yang masih kekal dalam bahasa ini.

Jawi Peranakan pula sama halnya dengan Samsam. Disebabkan faktor agama Islam dan keinginan mereka untuk berasimilasi dalam masyarakat Melayu, maka dialek Melayu Pulau Pinang digunakan sebagai bahasa ibunda dan dialek ini memperlihatkan pengaruh bahasa lain yang menjadi teras Jawi Peranakan tersebut. Disebabkan dalam perbincangan ini yang diteliti ialah teras India Islam, maka pengaruh bahasa Tamil dikesan dalam dialek Melayu yang digunakan dalam kalangan Jawi Peranakan.

RUMUSAN

Rumusannya, walaupun identiti dan bahasa yang awal bagi ketiga-tiga kelompok ini jelas memperlihatkan bauran, namun begitu bauran ini semakin cair kebelakangan ini. Ketiga-tiga kelompok ingin dikenali sebagai satu kelompok yang jelas dan hal ini menjadikan mereka berasimilasi ke dalam kelompok asal (contohnya Baba) atau ke dalam kelompok dominan, dalam hal ini Melayu bagi Samsam dan Jawi Peranakan.

Penyerapan ke dalam kelompok asal atau dominan juga memperlihatkan peralihan arah penggunaan bahasa dalam kalangan ketiga-tiga kelompok ini. Sistem bahasa yang digunakan sama ada condong ke arah kelompok asal (bahasa Hokkien bagi Baba) atau kelompok dominan (penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan Samsam dan Jawi Peranakan).

PENGHARGAAN

Kedua-dua penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana penyelidikan untuk menghasilkan makalah ini dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia (2008-2010) dengan tajuk *Projek Warisan Budaya (Bahagian Kemanusiaan)*.

NOTA

¹ Unsur percampuran terlihat pada maksud kamus, misalnya dari segi biologi, hibrid bermaksud anak (haiwan atau tumbuhan) yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis benih yang berlainan, manakala dari segi komputer pula istilah ini membawa makna sifat sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005: 530-531).

² Terdapat variasi ejaan bagi nama khas ini, antaranya Sam Sam, Sam sam dan Sam-sam. Ejaan Samsam akan digunakan selanjutnya di dalam makalah ini.

- ³ Hal ini jelas terlihat daripada perbincangan beliau yang merujuk kepada istilah ‘sami’ bagi Samsam Siam manakala ‘imam’ digunakan untuk merujuk kepada Samsam Islam. Perbezaan juga dapat diteliti daripada perkataan ‘bahasa Melayu’ yang digunakan untuk Samsam Melayu manakala ‘bahasa Siam Bangkok’ untuk Samsam Siam sewaktu menterjemahkan mantera yang dibaca oleh bomoh Melayu atau Buddha (Archaimbault 1957: 76).
- ⁴ Nama-nama yang dikaitkan dengan Samsam, seperti Salleh Tui, Nayan dan Din Prum membawa imej perompak terkenal walaupun mereka dikatakan Robin Hood moden (Cheah 1988).
- ⁵ Di utara India yang menggunakan bahasa Hindustan yang dipengaruhi oleh bahasa Parsi, istilah Baba digunakan sebagai panggilan hormat isteri kepada suami (Koo 1996: 24).
- ⁶ Hal yang sama dipersejutui oleh Soesono (1981) apabila beliau menyatakan “The word nyonya (also commonly misspelled nonya) is a Javanese loan honorific word from Dutch nona (grandma) meaning: foreign married madam. Because Javanese at the time had a tendency to address all foreign women (and perhaps those who appeared foreign) as nyonya, they used that term for Straits-Chinese women, too, and it was gradually associated more exclusively with them.” Senada dengan hal ini, Baba Peter (t.t.: 1) menyatakan bahawa “The term nona, or nonha, is known throughout the lands of old Portuguese world and even in Mozambique (Portuguese Africa) and in Macau, where it was a term for a Eurasian, or a young native girl married to a European or something like that. It may be connected to the Portuguese ‘Dona’ or in Spanish ‘Dona’ (pronounced ‘donya’), meaning lady”.
- ⁷ Dengan kata lain, mereka yang dianggap orang tempatan berdasarkan kelahiran (native by birth).
- ⁸ Keturunan raja itu sendiri dalam ruang lingkup Melayu berakar umbi daripada tradisi Hindu. Bertitik tolak daripada sinilah apabila Islam diperkenalkan kepada kerajaan Melayu tradisional maka agama baru ini juga memperuntukkan monarki tempatan dengan suatu bentuk kuasa yang kuat dalam kalangan raja yang disebut daulat. Untuk keterangan lanjut sila lihat Noriah Mohamed (1999: 21–35).
- ⁹ Sebagai contoh /kalau: *t^{hi} leng sing ku: ghaso k^bua/ maksud harfiahnya ‘If sky cold body feel cold’ atau maknanya ‘If the weather is warm, then I feel a little better’. Kalu (kalau) dan ghaso (rasa) ialah perkataan dalam dialek Melayu Kelantan manakala *t^{hi}* (cuaca) dan *k^bua* (sejuk) ialah perkataan Thai (Teo 2003: 89).*
- ¹⁰ Contoh dipetik daripada *Malay Echoes, Raymond Kwok Examines the Baba’s Past Links* (t. t.).
- ¹¹ Makalah ini tidak akan membincangkan DMPP. Perbincangan tentang hal ini boleh dirujuk dalam perbincangan tentang dialek Melayu di kawasan utara. Noriah Mohamed (2008: 77-92) ada menyorot secara umum tentang dialek ini.
- ¹² Generasi awal bermaksud, generasi pertama hingga generasi ketiga.
- ¹³ Kewujudan penterjemah Tamil untuk menterjemahkan surat berbahasa Inggeris ke bahasa Melayu telah diceritakan oleh Peter Floris pada abad ke-17. Menurutnya sewaktu kapal-kapal pertama E.I.C. tiba di Patani pada tahun 1612 beberapa orang naik ke kapal sekali lagi, antara mereka ada orang Chatti (Ceti) untuk menterjemahkan surat Raja ke dalam bahasa Malusia (Melayu); dan selepas perbincangan mengenai pembukaan surat itu, dipersejutui bahawa mereka patut membukanya, dan, selepas menterjemahkannya dan menerima beberapa hadiah, mereka pulang ke pantai (Gallop 1994: 28).

- ¹⁴ Temu bual dengan informan pada 18 September 2000. Beliau merupakan generasi keenam kepada Hashim Yahya Merican. Berdasarkan keterangan Badan Warisan Pulau Pinang, beliau merupakan tempat rujukan bagi kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang.
- ¹⁵ Mereka bukan sahaja tidak diajarkan bahasa ini, malah disebabkan bahasa ibunda mereka ialah bahasa Melayu dan sistem pendidikan rendah mereka berlangsung di sekolah vernakular Melayu maka generasi kemudian Jawi Peranakan kebanyakannya semakin kurang memahami bahasa Tamil.
- ¹⁶ Lampiran 1 memaparkan perbandingan penggunaan istilah kekerabatan (*kinship*) yang digunakan oleh orang India Islam, Jawi Peranakan dan Melayu.

RUJUKAN

- Abdur-Razzaq. 2001. Orang-orang Indonesia di Pulau Pinang. Kertas kerja Pengkisahan Melayu Pulau Pinang, anjuran Penang Heritage Trust dan The Star. Pulau Pinang, 25 Ogos.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1983. *A History of Malaysia*. London: MacMillan.
- Archaimbault, C. 1957. A preliminary investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society XXX* (1): 75-92.
- Asmah Haji Omar. 1979. *Darulaman: Essay on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azman Wan Chik. 1968. Satu kajian leksikal dialek Samsam daerah Titi Tinggi, Perlis Utara. Latihan Ilmiah, Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baba Peter Lee. t.t. Baba baba dan nyonya nyonya. <http://www.peranakan.org.sg/Resources/baba-nyonya>. (27/07/2009).
- Blythe, W.L. 1971. *The impact of Chinese secret societies in Malaya: A historical Study*. London: Oxford University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1988. *The peasant robbers of Kedah 1900-1929*. Singapore: Oxford University Press.
- Crawfurd, J. 1967. *Journal of an Embassy to the Courts of Siam and Cochin China*. Singapore: Oxford University Press. (First published 1828).
- Gallop, A. T. 1994. *The legacy of Malay letter/warisan warkah Melayu*. London: The British Library.
- Hortsman, A. t.t. Dual ethnic minorities and the local reworking of citizenship at the Thailand-Malaysian border. CIBR Working Papers in Border Studies. http://www.qub.ac.uk/cibr/WPpdffiles/CIBRwp_2002_3_rev.pdf. (22/02/2008).
- Kamus Dewan 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Salma, Nasution. 2002. The rich legacy of the Jawi Pekan. Dlm. Malini Dias (ed.). *Glimpses of old Penang*, Petaling Jaya: Star Publications. Hlm. 44-45.
- Koo, Joo Ee. 1996. *The Straits Chinese. A cultural history*. Amsterdam, Kuala Lumpur: The Pepin Press.
- Lee, Su Kim. 2007. The Peranakan baba nyonya culture: Resurgence or disappearance? *Sari* 26: 161-170.
- Le Roux, P. 1998. To be or not to be ... The cultural identity of the Jawi (Thailand). *Asian Folklore Studies* 57: 223-255.

- McNair, J.F.A. 1899. *Prisoners their own warders: A record of convict prison at Singapore in the Straits Settlement established 1825, discontinued 1873, together with a cursory history of the convict establishment at Bancoolen, Penang and Malacca from the year 1979*. London: Archibald Constable.
- Morgan, W.S. 1948. *The story of Malaya*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian beberapa aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 1999. *Sejarah sosiolinguistik Bahasa Melayu lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. 2008. Bahasa Melayu: Sejarah awal dan keragamannya di Pulau Pinang. Dlm. Muhammad Haji Salleh (ed.). *Sejarah awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 62-95.
- Noriah Mohamed. 2009. *Bahasa Melayu kreol chetti Melaka. Deskripsi leksiko-fonologi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Omar Yusoff. 2005. Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-isu budaya dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ooi, Keat Gin. 2004. *Southeast Asia: A historical encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor*. ABC-CLIO.
- Penang Heritage City, The Journey Starts Here*. t.t. Baba and nyonya culture in Penang. <http://www.penangheritagecity.com/baba-and-nyonya-culture-in-penang.html>. (01/08/2009).
- Purcell, V. 1997. Terjemahan. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ragayah Eusoff. 1997. *The Merican clan: A story of courage and destiny*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Rosmaliza Hassim. 2002. Kata panggilan kekeluargaan dalam masyarakat Jawi Peranakan: Satu kajian kes di Kedah Road dan Chulia Street, Pulau Pinang. Kertas Projek, Sarjana Muda Sastera, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sandhu, Kernial Singh. 1969. *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement, 1786-1957*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shuib Ismail. 1971. Dialek Kedah pesisiran: Satu kumpulan teks serta pembicaraan linguistik. Latihan Ilmiah, Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Soesono Kartomiharjo. 1981. Etnography of communicative codes in East Java. Department of Linguistics, Research School of Pacific Studies, Australian National University.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2009. Masyarakat Samsam. Stigma yang tertinggal. *Dewan Budaya*, Jun. Hlm. 54-57.
- Teoh, Boon Seong & Lim, Beng Soon. 1999. Malay words in Baba Hokkien of Penang. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 72(1): 125-137.
- Teo, Kok Seong. 2003. *The Peranakan Chinese of Kelantan. A study of culture, language and communication of an assimilated group in Malaysia*. London: ASEAN Academic Press Ltd.
- Turnbull, C.M. 1970. Convicts in the Straits Settlements 1826-1867. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43(1): 90.

- Weinreich, U. 1953. *Languages in contact. Findings and problem*. New York: Linguistics Circle of New York.
- Wikipedia the Free Encyclopedia. 2009. <http://wikipedia.org/wiki/Nyonya>. (19/07/09).
- Wilkinson, R.J. 1942. *Paper on Malay subjects History*, Part 1: *Events prior to British ascendancy*, Part II: *Notes on Perak history*. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay State Government Press.
- Yawi Language. t.t. http://en.wikipedia.org/wiki/Yawi_language. (12/11/08).
- Zaharah Mahmud. 1972. The population of Kedah in the nineteenth century. *Journal of South East Asia Studies* 3: 2 September: 201.
- Zaharah Mahmud. 1979. The evolution of population and settlement in the state of Kedah. Dlm. Asmah Haji Omar, *Darulaman essays on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian state of Kedah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 120-163.

Noriah Mohamed, Ph.D.
Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: noriahm@usm.my

Omar Yusoff
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: yuasmar@notes.usm.my

LAMPIRAN 1

**PERBANDINGAN ISTILAH KEKERABATAN (*KINSHIP*) YANG DIGUNAKAN
OLEH ORANG INDIA ISLAM, JAWI PERANAKAN DAN MELAYU**

Kekerabatan	Istilah Kekerabatan		
	India Islam	Jawi Peranakan	Melayu
Waris (asal daripada bahasa Tamil)	Waris	Anak Beranak	Anak Beranak
Ibu	Amma	Ma	Mak
Bapa	Vappa/Ba	Ba/Atta	Chik/Ayah
Adik lelaki bapa	Chinapa	Mamak	Pak Teh
Adik lelaki ibu	Mama	Mamak	Pak Chu
Abang lelaki bapa	Periapa	Mamak	Wak
Abang lelaki ibu	Periamama	Mamak	Pak Chu
Adik perempuan bapa	Mami	Mami	Mak Chu
Adik perempuan ibu	Chinnama	Mami	Mak Chu
Kakak kepada bapa	Periamma	Mami	Mak Chu
Kakak kepada ibu	Periamma	Mami	Mak Chu
Abang/abang sepupu	Ananmahan	Bai	Abang
Adik/adik sepupu (lelaki)	Tambimahen	Bai	Dik
Kakak/kayak sepupu	Marni	Aci	Kak
Adik/adik sepupu (perempuan)	Ponnu	Aci	Dik
Anak perempuan	Magel	Anak	Anak
Anak lelaki	Mahen	Anak	Anak
Cucu lelaki	Perepillai	Cucu	Cucu
Cucu perempuan	Perepillai	Cucu	Cucu
Datuk lelaki	Nana/Pettappa	Chacha	Tok Wan
Datuk perempuan	Nani/Pettamma	Chachi	Tok
Adik lelaki datuk lelaki	Petappa	Mamu	Tok Wan
Abang datuk lelaki	Petappa	Mamu	Tok Wan
Adik perempuan datuk lelaki	Petemma	Chachi	Tok
Kakak datuk lelaki	Petemma	Chachi	Tok
Adik lelaki datuk perempuan	Petappa	Chacha	Tok Wan
Abang datuk perempuan	Petappa	Chacha	Tok Wan
Adik perempuan datuk perempuan	Petemma	Chachi	Tok
Kakak datuk perempuan	Petemma	Chachi	Tok
Nenek lelaki	Petappa	Bai Chacha	Nenek
Nenek perempuan	Petemma	Bai Chachi	Nenek
Ibu mertua	Mamiare	Mami	Ibu
Bapa mertua	Mamanare	Mamu	Bapa

Suami saudara perempuan (ipar lelaki)	Machan	Machan	Abang
Suami ibu saudara (sebelah bapa & ibu)	Mama	Mamak	Pak Cik
Menantu lelaki	Maremahan	Mempelai	Anak Menantu
Menantu perempuan	Maremagel	Ponu	Anak Menantu
Isteri saudara lelaki (ipar perempuan)	Marni	Maini	Kakak/adik
Isteri bapa saudara tua, sebelah bapa	Periamma	Maini	Mak Cik
Isteri bapa saudara muda, sebelah bapa	Chaci	Maini	Mak Cik
Isteri bapa saudara tua/muda, sebelah ibu	Mami	Maini	Mak Cik
